

# ورتا فئرغن

## Warta Penerangan



OKTOBER 2016







*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Bahagian Pengurusan**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Ahmad Suufi bin Haji Mohd Najib

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Jabatan Penerangan berperanan penting ketika terima kunjungan muhibah Amir Kuwait	5-6
Jabatan Penerangan adakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438	7-9
MoU Brunei-Singapura Program Penempatan Penterjemah 2016	10
Majlis Makan Malam Bersama Penterjemah Singapura	11
Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'	12-13
Program Sua Muka	14-17
Program Pertukaran Pegawai Penerangan (IOEP) NBD & Singapura	18-19
Bahaya dadah dibarigakan di kalangan masyarakat	20-21
UBD anjur pelbagai acara sempena Majlis Konvokesyen Ke-28	22
Buku 'Ku Titipkan Pesan' motivasi kepada semua generasi	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



# Jabatan Penerangan berperanan penting ketika terima kunjungan muhibah Amir Kuwait

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Muhammad Azmi Haji Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Negara Brunei Darussalam telah menerima kunjungan muhibah Amir Kuwait, His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah yang mengadakan Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini.




*PEGAWAI Penghubung Media (MRO), pemberita dan juga jurugambar dari Jabatan Penerangan semasa kunjungan muhibah Amir Kuwait (atas, bawah).*



Para petugas di Jabatan Penerangan turut memainkan peranan penting semasa berlangsungnya acara tersebut yang terdiri daripada Pegawai Penghubung Media (MRO), pemberita dan juga jurugambar.

MRO bertanggungjawab dalam mengendalikan para pengamal media termasuk mengawal pergerakan pemberita dan jurugambar yang membuat liputan di tempat berlangsungnya acara tersebut.



*PEGAWAI Penghubung Media (MRO) dari Jabatan Penerangan semasa bertugas mengawalselia media di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei*



# Jabatan Penerangan adakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



*MAJLIS Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438 bagi Jabatan Penerangan yang diadakan di Surau Jabatan Penerangan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Oktober. - Kalendar Tahun Hijrah dimulakan dengan berteraskan tahun penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu peristiwa yang besar bagi umat Islam dan kita wajar memperingatinya.

Sejarah telah membuktikan bahawa peristiwa hijrah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Mekah ke Madinah telah membuka lembaran sejarah yang paling agung bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, tetapi juga pada tamadun manusia keseluruhannya.

Dengan penghijrahan itu, maka pelbagai kejayaan baru pada masyarakat Islam telah dicapai di mana Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat melahirkan satu umat yang bersatu padu, umat yang bersaudara, umat yang dihormati dan menjadi contoh, bahkan dapat melahirkan kemakmuran yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat secara adil dan saksama.



*CERAMAH Hijrah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.*





*PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa mendengar ceramah dari penceramah jemputan.*

Sehubungan dengan itu, bagi mengenang kembali peristiwa hijrah tersebut, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438, berlangsung di Surau Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Turut hadir pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail, yang turut menekankan mengenai penerapan kontemporari hijrah yang merupakan usaha berterusan untuk menangkis kecenderungan negatif dalam diri sendiri.



*SAMBUTAN Awal Tahun Baru Hijrah 1438 bagi Jabatan Penerangan turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.*





Selain itu juga, penting bagi umat Islam untuk mengikut hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan membuat transformasi peribadi ke arah individu yang lebih baik dengan niat demi Allah Subhanahu Wata'ala.

“Tiga poin yang penting dalam berhijrah iaitu berhijrah dengan hati, berhijrah dengan solat dan berhijrah dengan mendampingi Al-Quran. Dengan ada niat maka ada kesedaran tetapi tanamkan dengan kesedaran itu jangan hanya berniat sahaja maka perlu dilakukan dengan amal perbuatan sesuai dengan niat yang kita lakukan. Dengan itu namanya niat hijrah diri sendiri. Penghijrahan diri sendiri begitu banyak sekali untuk diubah seperti perubahan akhlak yang perlu diubah dan cara kita memandang masalah perlu diubah dan perlu sekali memikirkan jalan penyelesaian,” jelasnya.

Kita perlu ingat betapa episod pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabatnya terhadap agama Islam tidak pernah luntur. Kobaran semangat mereka jelasnya, benar-benar membuahkan hasil dengan adanya kemakmuran yang dicapai oleh umat Islam sekarang. Mungkin generasi hari ini belum tentu mempunyai semangat dan kesanggupan yang sama seperti mana perjuangan dan pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat Baginda itu.



*SAMBUTAN Awal Tahun Baru Hijrah 1438 bagi Jabatan Penerangan turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan. (kiri, kanan)*



# MoU Brunei-Singapura Program Penempatan Penterjemah 2016

Oleh: Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengalu-alukan kedatangan dua orang Pegawai Penterjemah dari Republik Singapura yang mengikuti Program Penempatan Penterjemah (TIP) 2016.*

**B**ERAKAS, Isnin, 10 Oktober. - Kerjasama Bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus berkembang dengan adanya pertukaran lawatan para pegawai di kedua-dua belah pihak.

Jabatan Penerangan mengalu-alukan kedatangan dua orang pegawai penterjemah dari Republik Singapura yang mengikuti Program Penempatan Penterjemah (TIP) 2016, bertempat di Tingkat 5, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Kedatangan kedua-dua pegawai tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program tersebut dipersetujui pada Mesyuarat Ke-24 di Bawah Memorandum Persefahaman Di Bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dengan Negara Brunei Darussalam menjadi negara penganjur pada tahun ini.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Kumpulan Kerja Penerangan (IWG) yang diadakan pada 12 hingga 13 November tahun lepas di Republik Singapura bersetuju untuk mengadakan program tersebut secara bergilir-gilir.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran penterjemah Republik Singapura melalui penempatan kerja di agensi-agensinya yang telah diaturkan dan memahami metodologi penterjemahan yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, penterjemah dari Republik Singapura juga berpeluang untuk mendalami penggunaan bahasa Jawi dalam konteks penterjemahan di Negara Brunei Darussalam dan membolehkan penterjemah dari Republik Singapura mewujudkan rangkaian kerjasama dengan penterjemah dari negara ini bagi memberi peluang kerjasama pada masa akan datang.

Penempatan tersebut akan diteruskan di beberapa buah agensi kerajaan dan swasta di negara ini termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Radio Televisyen Brunei serta The Brunei Press Sdn. Bhd.



*PENOLONG Pengarah Operasi Media, Nafisah binti Ismail (kiri) dan Penolong Pengurus Penterjemah, Syahidah binti Mohamed Sodri (kanan) dari Republik Singapura yang mengikuti Program Penempatan Penterjemah (TIP) 2016.*



# Majlis Makan Malam Bersama Penterjemah Singapura

Foto: Syahi Haji Ludin



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai-pegawai dan kakitangan semasa Majlis Makan Malam bersama dua orang Pegawai Penterjemah dari Republik Singapura.*





# Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

Foto: Azmah Haji Ahad

---



*PARA pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar kenangan bersama pengetua, guru pengawas dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Katok.*

**K**ATOK, Khamis, 6 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah Katok, di sini.

Program kali ini dihadiri oleh seramai 130 orang pelajar Tahun 8.

Antara atur cara program tersebut termasuklah nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara', diikuti dengan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimumkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, taklimat tersebut juga dihasratkan dapat menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.



Acara ini juga dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara, di samping memaparkan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Atur cara tersebut diteruskan dengan tayangan klip video 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah' dan sesi Kuiz Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



*ANTARA pelajar Tahun 8 Sekolah Menengah Katok yang hadir mendengarkan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di dewan sekolah berkenaan.*



# Program Sua Muka

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Shahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad dan Cawangan Penerangan Daerah Belait

**U** NIT Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Sua Muka di empat tempat berasingan. Program Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara selaras dengan aspirasi kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu pada 13 Oktober, Program Sua Muka diadakan di Kampung Putat, Mukim Lumapas di rumah Ketua Kampung Putat, Awang Haji Jumat bin Akim.



*PROGRAM Sua Muka (Personal Contact) di rumah Ketua Kampong Putat, Mukim Lumapas, Awang Haji Jumat bin Akim pada 13 Oktober.*





Sementara itu pada 15 Oktober, program yang sama diadakan di rumah Ketua Kampung Lumapas B, Mukim Lumapas, Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin.



*UNIT Hubungan Masyarakat, Jabatan Penerangan meneruskan Program Sua Muka (Personal Contact) ke rumah Ketua Kampung Lumapas B, Mukim Lumapas, Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin pada 15 Oktober.*





Seterusnya Program Sua Muka juga diadakan di rumah Ketua Kampung Lupak Luas/Tarap Bau, Mukim Lumapas, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtal pada 20 Oktober.



*PROGRAM Sua Muka (Personal Contact), bertempat di kediaman Ketua Kampung Lupak Luas / Tarap Bau, Mukim Lumapas, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtal pada 20 Oktober.*





Sementara itu, pada 31 Oktober, Program Sua Muka juga telah diadakan di Daerah Belait iaitu di Mukim Sukang bertempat di rumah Pemangku Penghulu Mukim Sukang, Awang Haji Mohamad Noh bin Datu Maharaja Setia Dian. Program tersebut yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Belait juga turut disertai oleh Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan serta Ketua Meja Kandungan Khas Pelita Brunei.





# Program Pertukaran Pegawai Penerangan (IOEP) NBD & Singapura

Berita dan Foto: Dayang Hajah Noorhijrah Haji Idris



*BERKESEMPATAN* mengunjungi konti Radio Ria semasa lawatan ke MediaCorp

**P**ROGRAM Pertukaran Pegawai Penerangan Negara Brunei Darussalam - Singapura (Brunei Darussalam - Singapore Information Officers' Exchange Programme-IOEP) ini merupakan salah satu program yang telah dipersetujui di bawah Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura iaitu semasa '25<sup>th</sup> joint Technical Committee Meeting Concerning Co-operation in the Field of Broadcasting and Information between the Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Singapore' pada tahun 2015.

Pelaksanaan program ini buat pertama kali diadakan pada 24 hingga 27 Oktober 2016 dengan rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam berkunjung ke Singapura.

Program selama empat (4) hari ini disertai oleh lima (5) orang pegawai iaitu Awang Md. Aizam bin Haji Abd. Hamid, Pegawai Pentadbir Kanan Bahagian Media & Kabinet, Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Rombongan; Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan; Awang Hirandy @ Muhammad Mahdi bin Haji Md. Yassin, Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB); Dayang Siti Liyana binti Haji Suhaimi, Penerbit Kanan RTB dan Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan.



*DELEGASI* bergambar ramai di hadapan bangunan Kementerian Komunikasi dan Penerangan, Singapura.





*MENDENGARKAN* penerangan mengenai Singapore Civil Defence Force (SCDF) yang antaranya berperanan dalam kerja-kerja menyelamat.

Program ini antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pengalaman Singapura dalam menangani krisis selain mempelajari amalan-amalan terbaik dalam menangani media terutama ketika krisis. Delegasi juga berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat tentang pengendalian program-program yang melibatkan masyarakat di kedua-dua buah negara.

Sepanjang berada di Singapura, delegasi telah dibawa melawat dan mendengarkan taklimat dari Kementerian Komunikasi dan Penerangan (MCI) dan jabatan-jabatan di bawahnya; Singapore Civil Defence Force (SCDF), MediaCorp, Garden by the Bay serta networking lunch bersama pengarah-pengarah di bawah MCI dan wakil media dari media Melayu iaitu Suria dan Berita Harian (BH).



*DELEGASI* bersama pegawai pengiring (L.O) semasa lawatan ke Garden by the Bay.



## Bahaya dadah dibarigakan di kalangan masyarakat

Berita dan Foto: Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain



*TETAMU* kehormat, Penghulu Mukim Batu Apoi, Awang Haji Matzain bin Haji Awang bersama ketua-ketua kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah tadahan Mukim Batu Apoi bergambar ramai di akhir program berkenaan.

**T**EMBURONG, Sabtu, 29 Oktober. - Dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa Program Awasi Anak Kitani Bagi Mukim Batu Apoi dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) telah menganjurkan Program Awasi Anak Kitani Bagi Mukim Batu Apoi bertempat di Balai Raya Kampung Batu Apoi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penghulu Mukim Batu Apoi, Awang Haji Matzain bin Haji Awang. Turut hadir ialah ketua-ketua kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di bawah tadahan Mukim Batu Apoi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Fatihah dan doa selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Shamsuddin bin Haji Azahar

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Ah Chua bin Bangau berkata program ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim di seluruh negara bagi memberi kefahaman kepada masyarakat terutama para ibu bapa, penjaga serta para belia di negara ini tentang keburukan gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah.



*ANTARA* ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah tadahan Mukim Batu Apoi yang hadir pada majlis tersebut.

Beliau juga berharap melalui wadah seperti inilah masyarakat mukim dan kampung khususnya yang mempunyai anak-anak remaja akan memperolehi pengetahuan yang boleh membantu mereka dalam mengawasi serta bertindak jika menyedari adanya perbuatan anak-anak mereka yang mencurigakan, di samping perlunya ibu bapa sentiasa berbincang dengan anak-anak tentang kesan buruk penyalahgunaan dadah. Dengan cara ini menurutnya, dapat menjalinkan hubungan baik antara keluarga, masyarakat dan orang ramai.





*TETAMU kehormat, Penghulu Mukim Batu Apoi, Awang Haji Matzain bin Haji Awang menyaksikan pameran yang disediakan oleh BKN.*

Tambahnya, buat julung kalinya pada Program Awasi Anak Kitani pada kali ini, Jabatan Penerangan juga menjemput Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) untuk menyampaikan taklimat mengenai fungsi dan peranan JKDN dalam sama-sama memelihara kesejahteraan, keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat daripada BKN disampaikan oleh Ketua Pegawai Narkotik 2 di Biro Kawalan Narkotik, Awang Mohammad Wendy bin Haji Awang@ Abdul Razak, yang antara lain mengupas tentang keburukan dadah yang mana penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat di negara ini semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius oleh semua pihak.

Taklimat kedua pula disampaikan oleh wakil dari JKDN mengenai 'Fungsi dan Peranan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri'.

Program diselitkan dengan sesi soal jawab antara penceramah dan mereka yang hadir di samping pameran yang disediakan oleh Jabatan Penerangan dan BKN serta jualan produk keluaran Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi.

Selain mengambil berat mengenai isu yang berkaitan dengan dadah, program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa mengenai bentuk ancaman keselamatan yang dihadapi masa ini.



*TAKLIMAT daripada BKN mengenai penyalahgunaan dadah telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Narkotik 2, Biro Kawalan Narkotik, Awang Mohammad Wendy bin Haji Awang @ Abdul Razak.*

Melalui maklumat yang dikongsikan, ibubapa dan penjaga diharap akan dapat membuat pemantauan ke atas anak-anak mereka supaya tidak terpengaruh kepada dakyah individu atau kumpulan-kumpulan yang bertujuan untuk mendatangkan bahaya kepada keselamatan negara.

Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang turut bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas dalam membangun negara berharap agar program ini dapat membuka minda dan menambah pengetahuan ibubapa, penjaga serta belia untuk menjauhi penggunaan dadah bagi memastikan keberkesanan mencapai matlamat negara sifar dadah.



# UBD anjur pelbagai acara sempena Majlis Konvokesyen Ke-28

Oleh: Marlinawaty Hussin


Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**T**UNGKU LINK, Sabtu, 8 Oktober. - Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2016 akan berlangsung pada 15 Oktober ini di Dewan Canselor, UBD.

Sehubungan itu, pelbagai acara telah diatur bersempena majlis konvokesyen tersebut termasuk Pameran Pesta Konvo yang telah pun dibukakan bagi kunjungan orang ramai hingga 22 Oktober ini.

Pemangku Timbalan Pendaftar Pentadbiran UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid menjelaskan perkara tersebut pada taklimat media yang diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Pentadbiran, UBD.

Sementara itu, Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media dari Jabatan Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli pada sesi taklimat itu pula antara lain menerangkan mengenai etika berpakaian dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan pada majlis konvokesyen nanti kepada para pengamal media tempatan.



*PEMANGKU Timbalan Pendaftar Pentadbiran UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid dan Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media dari Jabatan Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli semasa taklimat media yang diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Pentadbiran, UBD.*

## Buku 'Ku Titipkan Pesan' motivasi kepada semua generasi

Berita dan Foto: Hezlinawati Haji Abdul Karim

**T**EMBURONG, Sabtu, 8 Oktober. - Orang ramai yang berminat untuk mengikuti tajuk-tajuk yang dibincangkan semasa 'Sudut Pesan-Pesan' dalam rancangan Rampai Pagi dari Daerah Temburong terbitan Radio Televisyen Brunei (RTB) kini berpeluang mengetahui inti pati tajuk-tajuk tersebut yang telah didokumentasikan oleh penulisnya dalam buku 'Ku Titipkan Pesan'.

Pelancaran buku tersebut disempurnakan oleh Ketua Unit Majalah TV, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Abdul Adis bin Haji Lakim selaku wakil peribadi Pengarah RTB, berlangsung di Restoran Koperasi Pelancongan Daerah Temburong, Pekan Bangar di sini. Dalam ucapan Pengarah RTB yang dibacakan oleh wakil peribadinya, beliau melahirkan harapan agar penerbitan buku 'Ku Titipkan Pesan' ini bukan hanya sebagai bahan bacaan bahkan ia akan dapat memberikan ilham, inovasi dan motivasi kepada semua generasi terutamanya generasi muda.



*KETUA Unit Majalah TV, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Abdul Adis bin Haji Lakim selaku wakil peribadi Pengarah RTB menyampaikan buku 'Ku Titipkan Pesan' kepada wakil Cawangan Penerangan Temburong.*

Wakil Cawangan Penerangan Temburong, Awang Mohammad Nurakram bin Bahrin telah menerima buku tersebut yang disampaikan oleh Ketua Unit Majalah TV, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Abdul Adis bin Haji Lakim.



**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini**

<b>NAMA</b>	<b>NAMA KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / TAKLIMAT</b>	<b>TARIKH KURSUS</b>
Awang Mohammad Nurakram bin Bahrin	Kursus Minda Harmoni	18-19 Oktober 2016
Dayang Sabriah binti Awang Puasa	Kursus Minda Harmoni	18-19 Oktober 2016




*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**